

# Pertahankan tradisi tidak cabar jawatan Timbalan Presiden

UM 19 JUN 2003

KUALA LUMPUR 18 Jun —

Semua pemimpin UMNO termasuk - tiga naib presiden perlu mempertahankan tradisi parti tidak mencabar jawatan Timbalan Presiden yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri bagi mengelak berlakunya perpecahan.

Naib Presiden UMNO Datuk Seri Nsajib Tun Razak berkata, meskipun mencabar jawatan Timbalan Presiden itu adalah hak semua ahli dan pemimpin UMNO tetapi nasihat Presiden dan kepentingan parti, perlu diutamakan.

Beliau bagaimanapun percaya semua ahli dan pemimpin UMNO semakin matang dan bijak dalam membuat sebarang keputusan demi masa depan parti.

“Semua ahli dan pemimpin UMNO perlu mempertahankan (tradisi) ini. Kita menaruh kepercayaan di atas kebijaksanaan ahli-ahli UMNO bahawa tradisi yang baik ini perlu dipertahankan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan 44 pemimpin kelab UMNO luar negara sempena Perhimpunan Agung UMNO ke-57 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa jawatan Timbalan Presiden UMNO mungkin dicabar oleh pemimpin lain selain ketiga-tiga naib presiden yang telah memberi perakuan tidak akan mencabar sesiapa yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Kata Presiden LJMNO: “Yalah, kalau mereka boleh memberi perakuan tetapi ada yang bukan naib presiden mungkin akan mencabar

(pada pemilihan parti tahun depan).”

“balam parti, kita tak boleh tentukan, (jadi) kita tak kata tak akan ada cabaran sama sekali,” kata Dr. Mahathir selepas Taklimat Presiden semalam.

Sebelum ini, Najib bersama dua lagi Naib Presiden iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd. Taib memberi perakuan akan mengekalkan tradisi parti dengan tidak mencabar jawatan Timbalan Presiden yang telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Najib seterusnya berkata, jika semua Naib Presiden UMNO boleh mengekalkan tradisi yang sekian lama dia-

malkan dalam parti, pihaknya tidak nampak sebarang masalah kepada semua pemimpin UMNO lain untuk berbuat demikian.

“Saya percaya perkara ini boleh dipertahankan dan kita semua perlu mendengar nasihat pucuk pimpinan parti yang berulang kali menyuarkan pandangannya,” katanya.

Beliau sekali lagi menegaskan akan berpegang kepada janjinya tidak akan mencabar sesiapa yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Selain itu, dalam pertemuan dengan 44 pemimpin kelab UMNO luar negara, Najib meminta mereka membentukkan kepada usaha-

usaha menarik lebih ramai ahli parti di luar negara.

Mereka, jelas beliau, tidak sepatutnya mengehendkan kegiatan mereka kepada ahli-ahli parti semata-mata sebaliknya memperluaskan aktiviti kepada pelajar yang bukan ahli UMNO.

“Dengan cara ini orang lain akan memahami dasar-dasar dan ke arah mana UMNO hendak membawa bangsa Melayu dan negara,” jelasnya.

Para pemimpin kelab tersebut, kata beliau, perlu bertindak sebagai penangkis terhadap segala bentuk fitnah - dan salah faham yang dilempar oleh pembangkang kepada kerajaan.